

Sumbangan Sistem Kewangan Islam Ke Arah Pemerkasaan Mahkamah Syariah Di Malaysia

(*The Contribution Of Islamic Financial System In Enhancing The Role Of Shariah Courts In Malaysia*)

HASLINDA HARUN
RUZIAN MARKOM

ABSTRAK

Sistem kewangan Islam di Malaysia telah mendapat kepercayaan masyarakat sekarang dengan melihat kepada kewujudan pelbagai produk kewangan Islam yang berada di pasaran. Produk-produk kewangan Islam yang berada di pasaran telah mendapat sambutan daripada para pelanggan, sebagai contoh, pelanggan perbankan di Malaysia lebih menunjukkan kecenderungan ke arah menggunakan sistem perbankan Islam yang ditawarkan oleh bank-bank di Malaysia. Memandangkan perbankan Islam berasaskan kontrak Syariah, sewajarnya kes berkaitan perbankan Islam dikendalikan di mahkamah Syariah. Malaysia mengamalkan dwi sistem iaitu sivil dan syariah. Walau bagaimanapun, kewangan Islam menerima pendekatan yang ekslusif kerana ia menggabungkan kontrak Islam dan undang-undang prosedur sivil. Oleh itu, kes didengari di Mahkamah Sivil. Penulisan ini bertujuan untuk meninjau cabaran-cabarhan yang dihadapi oleh Mahkamah Sivil dalam mengendalikan kes kewangan Islam dan kewajaran mengembalikan kes perbankan Islam kepada mahkamah Syariah sebagai forum keadilan. Penulisan ini adalah kajian doktrinal perundangan tulen dan menggunakan sumber primer dan sekunder dalam penjelasan maklumat. Analisa dokumen dan perbandingan diterima pakai dalam menganalisa isu yang diberikan. Penulisan ini mendapati terdapat kelemahan dalam pengendalian kes di mahkamah sivil seperti hakim dan peguam yang tidak kompeten. Artikel ini mencadangkan supaya kes perbankan Islam dikembalikan kepada Mahkamah Syariah sebagai forum keadilan kepada semua pihak.

Kata kunci: Sistem kewangan Islam, perundangan Syariah, perundangan sivil, Perlembagaan Persekutuan, mahkamah Syariah.

ABSTRACT

The Islamic financial system was entrusted by the community with the existence of variety of Islamic financial products in the market. Islamic financial products was accepted by the customer by the evidence shown when the customer prefer Islamic banking offered by the banks in Malaysia. Since Islamic banking relates to Shariah contracts, it is proper if the adjudication of cases presided by the Shariah Courts. Malaysia practiced dual system namely the civil and Shariah system. Nevertheless, Islamic finance has exclusive treatment since it is a combination of Shariah contracts as well as civil procedures. Hence, Islamic finance matters are decided by the civil courts. The aim of this article is to examine the challenges faced by civil court in handling Islamic finance cases and the possibility of Shariah courts as fairness forum. This is a doctrinal legal study based on primary and secondary sources related to the matter. Document analysis and comparative studies are adopted in addressing the issues. The studies discovered that there are weaknesses in the present handling of Islamic banking cases in civil courts such as incompetency of judges and counsels. It is recommended the Islamic financial cases to be decided by the Shariah Court as fairness forum for all parties.

Key words: Islamic financial system, Syariah laws, civil laws, Federal Constitution, Shariah Courts.

PENGENALAN

Pemerkasaan mahkamah-mahkamah Syariah agar setaraf dengan mahkamah-mahkamah Sivil di Malaysia terus diperjuangkan oleh pihak-pihak yang dipertanggungjawabkan seperti Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia di peringkat persekutuan dan juga Jabatan Kehakiman Syariah Negeri-Negeri dan Mahkamah Syariah Negeri-Negeri di peringkat Negeri. Akbar Berita Harian Online bertarikh 21 Disember 2019 telah melaporkan bahawa Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong (YDPA) Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah telah bertitah pada 21 Disember 2019, bersempena majlis perasmian Kompleks Kehakiman Syariah Pulau Pinang agar status Ketua Hakim Syarie dan Hakim Syarie di mahkamah-mahkamah Syariah diperingkatkan ke tahap yang lebih tinggi. Titah ucapan YDPA ini adalah difahami bertujuan ke arah memartabatkan dan memperkasakan sistem kehakiman Syariah di Malaysia dan khususnya bagi mempertingkatkan taraf mahkamah-mahkamah Syariah. Bagi merealisasikan titah ucapan YDPA ini, beberapa tindakan sewajarnya perlu dibuat bagi menyumbang ke arah peningkatan status Ketua Hakim Syarie dan Hakim Syarie dan seterusnya memperkasakan mahkamah-mahkamah Syariah di Malaysia.

Selepas pengkanan Ordinan Mahkamah 1948 dan penggubalan Jadual ke-Sembilan, Senarai I dan II, Perlembagaan Persekutuan, maka bermulalah dualisme dalam sistem kehakiman di Malaysia. Terdapat beberapa perbezaan ketara di antara kedua-dua sistem kehakiman tersebut iaitu bidang kuasa mahkamah Syariah adalah bidang kuasa Negeri yang

mengendalikan kes-kes berhubung hal ehwal kekeluargaan Islam serta jenayah Syariah yang terhad sahaja. Manakala mahkamah sivil pula diletakkan di bawah Persekutuan dan mempunyai bidang kuasa yang luas melibatkan hal ehwal kekeluargaan, kes-kes sivil, jenayah samada melibatkan orang-orang Islam maupun bukan Islam termasuk bidang kuasa melibatkan kewangan Islam. Pindaan Perkara 121(1A) Perlembagaan Persekutuan telah memberikan bidang kuasa ekslusif kepada mahkamah Syariah. Namun demikian, kuasa mahkamah Syariah terbatas setakat undang-undang yang diluluskan di Dewan Undangan Negeri sahaja. Oleh itu, semua kes mahkamah Syariah merujuk kepada Senarai 2, Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan. Tambahan pula, tiada penyeragaman undang-undang substantif dan prosedur Islam di antara negeri-negeri (Hussin Che Pa, Nasrul Hisyam Nor Muhammad dan Suhaimi Mustar 2016). Keterbatasan bidang kuasa mahkamah Syariah ini pula perlu akur kepada Senarai 1 (Senarai Persekutuan), Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan yang menetapkan beberapa perkara di bawah bidang kuasa Persekutuan termasuklah hal ehwal kewangan. Oleh yang demikian, perkara berkaitan kewangan Islam juga tertakluk di bawah bidang kuasa Persekutuan dan kes-kes berkaitan dengannya hendaklah didengar dan dibicarakan di mahkamah sivil, walaupun ia lebih sinonim dengan mahkamah Syariah.

Kerangka perundungan kewangan dan perbankan Islam di Indonesia adalah berlainan daripada kerangka perundungan di Malaysia. Di Indonesia, Fasal 2 Undang-Undang Nombor 7 Tahun 1989 telah memperuntukkan bidang kuasa mahkamah Syariah untuk mengadili kes-kes berkaitan dengan orang-orang Islam. Kes-kes Syariah yang berkaitan telah diperjelaskan di bawah

Fasal 49 Undang-Undang Nombor 3 Tahun 2006 di mana kes-kes tersebut adalah termasuk perbankan Islam. Mahkamah Syariah di Indonesia merupakan mahkamah yang mendengar, membicarakan dan memutuskan kes-kes perbankan Islam (Mohd Izzat Amsyar dan Ruzian Markom 2018b). Undang-Undang No. 21 Tahun 2008 memberikan alternatif forum perbicaraan bagi kes perbankan Islam untuk diadili di Peradilan Negeri Umum atau Peradilan Agama (Ali Rama 2015). Filipina juga melalui Perintah Presiden No. 1083 (1977) memberikan kuasa kepada mahkamah Syariah untuk mengendalikan kes sivil termasuklah hal ehwal berkaitan dengan kewangan dan perbankan Islam apabila kedua-dua pihak beragama Islam. Dalam hal ini, artikel 143 PD 1083 mengintegrasikan bidang kuasa syariah dalam kes tuntutan dan tindakan sivil. Kedudukan mahkamah Syariah di Indonesia dan Filipina dilihat berbeza dengan mahkamah Syariah di Malaysia yang menunjukkan bahawa ruang luas diberikan kepada mahkamah Syariah di Indonesia dan Filipina dalam mengendalikan kes kewangan dan perbankan Islam.

Berdasarkan kepada kerangka perundangan yang terpakai di Malaysia dalam hal berkaitan kewangan Islam, timbul persoalan bagaimanakah sistem kewangan Islam boleh menyumbang ke arah memperkasakan mahkamah Syariah di Malaysia dan samada ia boleh tercapai dalam dwi sistem yang diamalkan sekarang. Oleh yang demikian, objektif penulisan ini adalah pertama, untuk menjelaskan berkenaan dengan sistem kewangan di Malaysia, kedua, untuk meneliti kerangka perundangan di Malaysia berkaitan kewangan Islam dan ketiga untuk mengkaji cadangan pemerkasaan mahkamah Syariah di Malaysia dengan melihat kepada

kerangka perundangan yang terpakai sekarang ini di Malaysia.

STATUS SISTEM KEWANGAN ISLAM DI MALAYSIA

Al-Quran dan Sunnah Rasulullah S.A.W telah menyediakan falsafah dan prinsip-prinsip kewangan Islam agar pelaksanaannya mengikut kehendak hukum Syarak (Mustafa Dakian, 2005). Hukum Syarak menegah sebarang aktiviti dalam sistem kewangan Islam berkaitan dengan ketidakpastian, risiko dan spekulasi serta sebarang pelaburan yang berurusan dengan alkohol dan perjudian yang dianggap menyalahi undang-undang. Di Malaysia, suatu evolusi di dalam sistem kewangan Islam telah berlaku berikutan inovasi dalam industri perkhidmatan kewangan global. Sejak tahun 1980-an, penawaran terhadap produk kewangan Islam yang merupakan penyelesaian alternatif kepada produk konvensional telah menunjukkan peningkatan (Mohamad Zaid 2011) dengan kewujudan beberapa institusi kewangan Islam di Malaysia seperti Lembaga Tabung Haji, Bank Islam Malaysia Berhad dan Syarikat Takaful Nasional. Pada tahun 1969, Lembaga Tabung Haji ditubuhkan untuk menguruskan tabungan deposit masyarakat Islam yang ingin menuaikan haji. Manakala bermula tahun 1983 sehingga tahun 1992, Bank Islam Malaysia Berhad diwujudkan dan menjadi penyedia tunggal perkhidmatan kewangan Islam di Malaysia (Ruzian & Norilawati 2009) sebelum beberapa bank lain juga turut menawarkan produk kewangan Islam.

Seterusnya, bagi merangsang pasaran kewangan Islam, konsep tingkap Islam telah diperkenalkan kepada bank konvensional. Konsep tingkap Islam ini telah bermula pada tahun 1993 dan berterusan sehingga tahun

2003. Kerajaan juga menggalakkan bank konvensional yang beroperasi melalui tingkap Islam menubuhkan anak syarikat bagi melaksanakan perbankan Islam yang dilesenkan di bawah bank Islam sepenuhnya bertujuan untuk mengukuhkan pasaran kewangan Islam tersebut. Bank pertama yang menyahut cadangan kerajaan ini ialah bank RHB Islamic. Selanjutnya, beberapa bank Islam daripada luar Malaysia telah diberikan lesen beroperasi sebagai bank Islam di Malaysia, antaranya Kuwait Finance House (KFH) yang mula memasuki pasaran Malaysia pada bulan Februari 2006, Bank Al Rajhi pada Oktober 2006 dan kemudian diikuti pula oleh Asian Finance Bank pada bulan Januari 2007. Pembiayaan Islam adalah intermediari kewangan yang telah berjaya menarik penyertaan tinggi orang Islam dan bukan Islam serta aset baru dalam pembiayaan alternatif (Mohd Izzat Amsyar & Ruzian 2018a).

Pada tahun 1985, Syarikat Takaful Malaysia sebagai syarikat insuran Islam pertama di Malaysia ditubuhkan di bawah Akta Takaful 1984. Penubuhan Syarikat Takaful Malaysia ini telah memberi pilihan kepada rakyat Malaysia untuk memilih di antara syarikat insuran patuh Syariah dengan syarikat insuran konvensional. Syarikat Takaful ini telah menjalankan aktiviti kewangannya menurut prinsip Syariah dan kontrak *mudarabah*. Prinsip takaful adalah berdasarkan semangat tolong menolong antara peserta, manakala kontrak perniagaan berdasarkan *mudarabah* pula melibatkan perjanjian perkongsian untung antara peserta dengan pengendali takaful (Mustafa Dakian 2005).

Beberapa instrumen kewangan Islam yang penting dan aktif diniagakan di pasaran kewangan Islam Malaysia ialah seperti Terbitan Pelaburan Kerajaan, Nota Boleh Niaga Bank Negara Malaysia, Bil Dagangan

Jangka Pendek, Instrumen Deposit Boleh Niaga Islam, Pelaburan *Mudharabah* Antara Bank, Bon berlandaskan prinsip *Bai' Bithaman Ajil*, Bon tanpa nilai kupon berlandaskan prinsip *murabahah*, Bon berlandaskan prinsip *Ijarah* dan Bon berlandaskan prinsip *mudharabah* (Sudin Haron 2008). Perkhidmatan kewangan Islam sentiasa ditingkatkan dengan produk berinovasi terkini sesuai dengan keperluan industri dan masyarakat. Selain itu, penambahbaikan berterusan dilaksanakan dalam memastikan sistem perkhidmatan kewangan Islam sentiasa mampan dan menepati garis panduan yang ditetapkan.

Pada tahun 2006, Pusat Pendidikan Kewangan Islam Antarabangsa (INCEIF) telah ditubuhkan dalam meningkatkan pembangunan modal insan untuk menyokong pembangunan global industri perkhidmatan kewangan Islam. Penubuhan INCEIF ini akan dapat bertindak sebagai satu badan pensijilan profesional serta pusat pendidikan untuk program pasca siswazah khusus dalam kewangan Islam. Manakala penubuhan International Shari'ah Research Academy For Islamic Finance (ISRA) pada tahun 2008 di bawah Bank Negara bertujuan untuk bertindak sebagai pusat pengumpulan ilmu pengetahuan dalam mengeluarkan pandangan Syariah mengenai isu terkini dalam industri kewangan Islam (Hakimah Yaacob 2011). Kewujudan ISRA menggalakkan inovasi dalam kewangan Islam menuju pengoperasian sistem kewangan Islam yang lebih mantap di Malaysia. Selain itu, merujuk kepada tujuan penubuhan ISRA juga, institusi ini boleh menjalankan beberapa kajian untuk mengkaji samada perkara berkaitan dengan sistem kewangan Islam ini boleh diletakkan di bawah kuasa mahkamah Syariah dalam usaha untuk memperkasakan mahkamah Syariah di Malaysia.

KERANGKA PERUNDANGAN BERKAITAN SISTEM KEWANGAN ISLAM

Pengasingan bidang kuasa di bawah Perkara 121(1A) Perlembagaan Persekutuan adalah satu indikasi bidang kuasa mahkamah Syariah di atas semua perkara yang melibatkan hal ehwal orang Islam di Malaysia. Berdasarkan peruntukan ini, mahkamah Syariah diberi kuasa kehakiman mutlak dalam memutuskan semua kes yang berkaitan dengan orang Islam tanpa campur tangan mahkamah sivil. Namun begitu, pada realitinya mahkamah Syariah masih belum memiliki kuasa mutlak terhadap perkara berkaitan dengan orang Islam (Hussin Che Pa, Nasrul Hisyam Nor Muhammad dan Suhaimi Mustar 2016). Kuasa mahkamah Syariah hanya tertakluk dengan hal ehwal kekeluargaan orang Islam dan jenayah Syariah yang terhad sahaja. Malah, hal ehwal kewangan Islam yang diklasifikasikan di bawah undang-undang komersil tertakluk kepada bidang kuasa mahkamah sivil sebagaimana diperuntukkan di bawah Perkara 4 dan 7, Senarai 1 (Senarai Persekutuan), Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan (Rusni Hassan 2013). Berdasarkan kepada sistem dwi perundangan yang terpakai ini, sistem kewangan Islam di Malaysia telah memulakan operasinya dalam ruang lingkup undang-undang yang sedia ada. Prinsip-prinsip Syariah telah mula diterapkan dalam pengoperasian institusi-institusi kewangan Islam melalui pewartaan akta-akta yang berkaitan.

Sebagai permulaan kepada pelaksanaan sistem kewangan Islam di Malaysia, kerajaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia telah menyediakan satu rangka sistematik untuk pembangunan sistem kewangan Islam. Bank Islam adalah

bank permulaan di Malaysia yang menjalankan operasi perbankan Islam patuh Syariah (Ruzian & Norilawati 2009). Bermula tahun 1983, Akta Bank Islam 1983 yang memperuntukkan berkenaan dengan perlesenan dan pengawalseliaan perniagaan bank Islam telah diwujudkan. Akta ini untuk memastikan perniagaan yang dijalankan adalah mematuhi Syariah. Seterusnya, Akta Takaful 1984 pula diwujudkan untuk mengawalselia operasi perniagaan Takaful supaya mematuhi keperluan Syariah (Mohamad Akram Laldin dan Hafas Furqani 2018).

Pengoperasian kewangan Islam terus diperluaskan apabila Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989 (BAFIA) memberi kuasa kepada mana-mana institusi berlesen iaitu bank konvensional dan institusi kewangan untuk menjalankan perniagaan perbankan Islam atau mana-mana perniagaan kewangan perbankan Islam di Malaysia. Selain itu, Seksyen 124(3) dan (7) BAFIA juga memperuntukkan keperluan di mana operasi perbankan dan kewangan Islam hendaklah mematuhi Syariah dan melantik Jawatankuasa Syariah untuk memastikan operasi bank dan institusi kewangan mematuhi prinsip-prinsip Syariah (Mohamad Akram Laldin & Hafas Furqani, 2018).

Transformasi pelaksanaan operasi kewangan Islam di Malaysia berlaku mengikut keperluan global. Parlimen Malaysia telah meluluskan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (APKI 2013) yang mula berkuat kuasa mulai 30 Jun 2013. APKI 2013 digubal untuk menggalakkan kestabilan kewangan dan pematuhan Syariah bagi menaik taraf aspek pematuhan Syariah dalam operasi kewangan Islam. Akta ini telah memperuntukkan pengawalseliaan dan penyeliaan institusi kewangan Islam, sistem pembayaran dan

entiti berkaitan yang lain dan pengawasan pasaran wang Islam dan pasaran pertukaran asing Islam. Beberapa akta melibatkan kewangan Islam di Malaysia iaitu Akta Bank Islam 1983 dan Akta Takaful 1984 telah dimansuhkan dengan pewartaan APKI 2013 ini (Mohamed Hadi dan Rusni Hassan 2014).

Selain daripada itu, berdasarkan akta ini juga, Bank Negara akan memberi cadangan kepada Menteri Kewangan untuk memberi lesen sah beroperasi kepada institusi-institusi kewangan Islam yang mematuhi syarat-syarat utama yang ditetapkan seperti menjalankan urusan perniagaan kewangan Islam yang dibenarkan oleh hukum Syarak. Seksyen 28(6) APKI 2013 juga memperuntukkan bahawa mana-mana individu yang gagal mematuhi syarat ini boleh dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 8 tahun, didenda tidak melebihi RM25 juta, atau kedua-duanya (Mohd Izzat Amsyar & Ruzian Markom 2013).

Bagi menggalakkan kestabilan sistem kewangan, pematuhan Syariah serta melindungi hak dan kepentingan perkhidmatan dan produk kewangan Islam, terdapat dua peringkat struktur tadbir urus Syariah di Malaysia. Peringkat pertama dijalankan melalui Majlis Penasihat Syariah di Bank Negara yang ditubuhkan di bawah Akta Bank Negara 2009. Majlis Penasihat Syariah ini merupakan pihak berkuasa di bawah Bank Negara yang bertanggungjawab bagi memastikan prinsip-prinsip hukum Syarak dilaksanakan dalam perniagaan kewangan Islam. Peringkat seterusnya pula ialah Jawatankuasa Syariah yang ditubuhkan di setiap institusi kewangan Islam di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013. Jawatankuasa Syariah ini pula adalah untuk mencapai objektif dan matlamat sesebuah Institusi Kewangan Islam. Kedua-dua

jawatankuasa ini dianggotai oleh pakar-pakar ekonomi yang juga pakar dalam bidang Syariah. Walaubagaimanapun, berdasarkan Seksyen 58 Akta Bank Negara 2009 telah memperuntukkan bahawa kedudukan Majlis Penasihat Syariah adalah lebih tinggi daripada Jawatankuasa Syariah di institusi-institusi perbankan, di mana keputusan Majlis Penasihat Syariah adalah terpakai sekiranya terdapat perbezaan keputusan Majlis Penasihat Syariah dengan Jawatankuasa Syariah (Mohd Izzat Amsyar dan Ruzian Markom 2013).

Akta Bank Negara 2009 juga telah memberi mandat kepada Majlis Penasihat Syariah mengeluarkan suatu resolusi berkaitan isu Syariah dalam industri perbankan Islam. Resolusi ini dikenali sebagai Resolusi Syariah yang diterima sebagai satu keputusan yang mempunyai kesan perundangan apabila Resolusi tersebut diisyiharkan kepada umum dan terpakai di seluruh Malaysia. Resolusi ini juga mengikat ke atas pihak-pihak yang terlibat. Penjelasan hukum Syarak mengenai isu-isu dan permasalahan Syariah yang baru dalam bidang perbankan Islam akan dibuat melalui Resolusi Syariah ini (Mohd Izzat Amsyar dan Ruzian Markom 2018c).

Peranan penting Majlis Penasihat Syariah sebagai autoriti tertinggi undang-undang dalam pengurusan perbankan Islam di Malaysia ini telah dijelaskan dalam penghakiman kes rayuan *Jri Resources Sdn Bhd lwn Kuwait Finance House (Malaysia) Bhd; President Of Association Of Islamic Banking Institutions Malaysia & Anor (Intervenors)* ([2019] 5 CLJ 569) yang telah diputuskan di Mahkamah Persekutuan, Putrajaya oleh barisan Yang Arif-Yang Arif Hakim iaitu Richard Malanjum (CJ), Ahmad Maarop (PCA) Zaharah Ibrahim (CJ) (Malaya), David Wong Dak Wah (CJ) (Sabah & Sarawak), Ramly Ali (FCJ), Azahar Mohamed (FCJ), Alizatul Khair

Osman (FCJ), Mohd Zawawi Salleh (FCJ) dan Idrus Harun (FCJ). Kes ini adalah di antara JRI Resources “Perayu” dan Kuwait Finance House, sebuah institusi kewangan “Responden”. Perayu merupakan pelanggan kepada Responden di mana pada tahun 2008, Responden telah memberi kemudahan pinjaman kredit Islam kepada Perayu iaitu, empat kemudahan *Ijarah Muntahiah Bitamlik* (‘kemudahan Ijarah’) yang berkenaan dengan pajakan kapal laut, dan kemudahan Pembiayaan Kontrak Murabahah Tawarruq (‘kemudahan MTQ’).

Pertikaian kes ini timbul apabila Perayu gagal membayar balik jumlah tunggakan pinjaman kemudahan Ijarah kepada Responden sehingga menyebabkan Responden memfailkan tindakan sivil ke atas Perayu. Responden telah mendapat penghakiman terus terhadap Perayu dan penjamin-penjamin Perayu. Perayu merayu di Mahkamah Rayuan dengan memberi alasan bahawa kegagalan Perayu menjelaskan bayaran balik adalah kerana Responden tidak melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan kapal-kapal tersebut sehingga menyebabkan Perayu gagal memperoleh pendapatan hasil cater kapal-kapal tersebut. Perayu juga memberi alasan di atas kekhilafan Mahkamah Tinggi membuat keputusan terdahulu apabila tidak memohon keputusan Majlis Penasihat Syariah terlebih dahulu mengenai isu Syariah yang berbangkit di dalam klausa 2.8 perjanjian kemudahan Ijarah, samada klausa tersebut mematuhi Syariah atau tidak. Klausa tersebut adalah berkaitan tanggungjawab pelanggan menanggung kos penyelenggaraan kapal yang dipajak, yang termasuk kepada penyelenggaraan utama kapal tersebut.

Kesan daripada itu, kes dikembalikan ke Mahkamah Tinggi untuk dibicarakan semula dan diarahkan agar

persoalan Syariah yang dibangkitkan dirujuk kepada Majlis Penasihat Syariah. Keputusan Majlis Penasihat Syariah telah menyatakan bahawa perundingan bagi penentuan pihak yang bertanggungjawab menanggung kos sesuatu aset adalah dibenarkan sekiranya pihak-pihak telah mencapai persetujuan di dalam kontrak. Ini menjadikan klausa 2.8 adalah mematuhi Syariah. Perayu tidak bersetuju dengan keputusan Majlis Penasihat Syariah dan memfailkan kes rayuan ke Mahkamah Persekutuan.

Persoalan yang timbul di dalam kes ini selain daripada persoalan perlombagaan, ia menyentuh juga persoalan berkenaan dengan Seksyen 56 dan 57 Akta Bank Negara 2009 berkenaan dengan peranan Majlis Penasihat Shariah dalam menjadi rujukan kepada mahkamah bagi membuat keputusan. Majoriti hakim memberi keputusan bahawa kes ini dikembalikan ke Mahkamah Tinggi. Panel Hakim menekankan ciri-ciri perbankan Islam adalah pematuhan kepada prinsip-prinsip dan keputusan-keputusan Syariah. Pematuhan Syariah yang dilaksanakan di dalam perbankan Islam yang membezakan perbankan Islam dengan perbankan konvensional.

Panel Hakim telah mengiktiraf bahawa Majlis Penasihat Syariah yang dianggotai oleh pakar-pakar dalam bidang Syariah dan Kewangan Islam adalah pihak yang kompeten untuk menjawab persoalan mengenai kesahan kontrak di bawah undang-undang Islam. Ini selari dengan peranan Majlis Penasihat Syariah yang telah ditingkatkan di dalam Akta Bank Negara 2009 yang merupakan satu-satunya pihak berkuasa untuk penentuan undang-undang Syariah bagi perniagaan berunsurkan kewangan Islam dan kuasa Majlis Penasihat Syariah hanya terhad kepada isu-isu Syariah sahaja.

Mahkamah juga telah menjelaskan bahawa kefahaman terhadap peruntukan Seksyen 57 Akta Bank Negara 2009 juga sewajarnya tidak dikelirukan kerana seksyen ini bukan memberi kuasa kepada Majlis Penasihat Syariah untuk membuat keputusan. Seksyen ini juga bukan memberi hak kepada Majlis Penasihat Syariah untuk menyelesaikan liabiliti peminjam, di mana kuasa tersebut adalah di bawah kuasa mahkamah. Majlis Penasihat Syariah menjalankan kuasanya dalam penentuan hukum Syarak dalam sesuatu perkara yang boleh menghasilkan keputusan dan kuasa pemutusan akhir adalah kuasa mahkamah. Peranan Majlis Penasihat Syariah dan kuasa mahkamah juga telah jelas di bawah Seksyen 56(1) Akta Bank Negara 2009 di mana telah diperuntukkan bahawa mahkamah atau penimbangtara diberi pilihan samada untuk menimbangkan keputusan yang dikeluarkan oleh Majlis Penasihat Syariah atau merujuk isu Syariah kepada Majlis Penasihat Syariah dalam membuat keputusan kes. Kuasa ekslusif kehakiman dalam membuat keputusan dengan menggunakan keputusan Majlis Penasihat Syariah adalah hak mahkamah.

Berdasarkan kepada penghakiman kes ini, peranan dan kuasa yang diberikan kepada Majlis Penasihat Syariah adalah dalam penentuan hukum Syarak, manakala kuasa dalam membuat keputusan adalah kepada mahkamah selepas mahkamah merujuk persoalan Syariah yang timbul dalam kes-kes perbankan Islam kepada Majlis Penasihat Syariah. Fungsi dan peranan Majlis Penasihat Syariah yang ditubuhkan bagi memastikan prinsip-prinsip Syariah terpakai dalam pengurusan perbankan Islam di Malaysia adalah diakui dan dipandang serius oleh mahkamah. Mahkamah juga menunjukkan kepentingan peranan Majlis Penasihat Syariah sebagai badan yang menentukan hukum Syarak dan tidak mengambil kuasa kehakiman

mahkamah sebagai pembuat keputusan. Pindaan kepada Akta Bank Negara 2009 telah memperkemaskan peranan dan kedudukan Majlis Penasihat Syariah dalam pengurusan perbankan Islam di Malaysia dan seterusnya dapat mengukuhkan sistem kewangan Islam di Malaysia.

CADANGAN PEMERKASAAN MAHKAMAH SYARIAH

Isu pemerksaan mahkamah Syariah di Malaysia adalah antara isu yang sentiasa diperjuangkan oleh para pengamal undang-undang Syariah samada yang berada di sektor awam ataupun swasta. Bidang kuasa mahkamah Syariah yang hanya kepada hal ehwal kekeluargaan Islam dan jenayah Syariah yang terhad menampakkan seolah-olah mahkamah Syariah tidak digeruni dan diiktirat setaraf dengan mahkamah sivil. Justeru itu, dalam usaha untuk memperkasakan mahkamah Syariah ini, bidang kuasa sedia ada mahkamah Syariah hendaklah diperluaskan daripada kuasa yang sedia ada sekarang. Ini kerana, kuasa mahkamah Syariah masih lagi terbatas walaupun mempunyai kuasa ekslusif berdasarkan kepada Perkara 121(1A) Perlembagaan Persekutuan. Berdasarkan kepada perbincangan artikel ini, dapat dilihat bahawa sistem kewangan Islam boleh menyumbang ke arah pemerksaan mahkamah Syariah dengan memberi kuasa kepada mahkamah Syariah mendengar dan membicarakan perkara-perkara berkaitan kewangan Islam.

Mahkamah sivil yang diberi kuasa untuk mendengar dan membicarakan kes-kes berkaitan dengan kewangan Islam adalah juga tertakluk di bawah Seksyen 56 dan 57 Akta Bank Negara 2009 untuk merujuk kepada Majlis Penasihat Syariah dalam penentuan hukum Syarak bagi sesuatu persoalan Syariah yang timbul dalam mana-mana kes di hadapan

mahkamah sivil. Mahkamah juga terikat dengan keputusan yang telah dikeluarkan oleh Majlis Penasihat Syariah. Peruntukan ini juga menjelaskan bahawa Majlis Penasihat Syariah adalah berperanan sebagai penentu hukum Syarak dan bukan mengambil kuasa kehakiman untuk membuat keputusan sebagaimana diputuskan di dalam kes yang telah dibincangkan di atas. Majlis Penasihat Syariah ini adalah badan yang berautoriti dan berperanan penting dalam membuat penentuan hukum di atas sebarang persoalan Syariah yang wujud dalam sesuatu kes kewangan Islam. Ini memandangkan hakim-hakim di mahkamah sivil tidak mempunyai kedudukan untuk memutuskan perbezaan pandangan daripada pakar-pakar Syariah dan memutuskan prinsip-prinsip Syariah dalam sesuatu kes keawangan Islam di hadapan mahkamah sivil. Pandangan ini telah diulas oleh panel hakim dalam kes *Jri Resources Sdn Bhd lwn Kuwait Finance House (Malaysia) Bhd; President Of Association Of Islamic Banking Institutions Malaysia & Anor (Intervenors)* [2019] 5 CLJ 569) sebagaimana berikut:

“(11) Mahkamah-mahkamah sivil tidak mempunyai kedudukan untuk mempertimbangkan dan memutuskan perbezaan pendapat antara pakar-pakar dan membuat keputusan berdasarkan prinsip-prinsip Shariah. Jika pihak-pihak dibenarkan mengemukakan keterangan pakar, ini akan mengakibatkan mahkamah-mahkamah terpaksa menentukan apakah undang-undang Islam yang terpakai untuk perbankan Islam, dan meneruskan untuk menggunakan undang-undang yang ditentukan pada fakta kes. Dalam menentukan undang-undang, pihak-pihak yang bertikai akan mengemukakan keterangan pakar mereka sendiri dan hakim mahkamah sivil akan, pada akhirnya, perlu membuat keputusan pendapat pakar mana

yang akan disandarnya. Ini akan dirumitkan lagi jika setiap pakar mendasarkan pendapat mereka atas pandangan jurisprudens berbeza. Oleh itu, badan pakar undang-undang terbilang, yang berkelayakan sewajarnya dalam jurisprudens Islam dan/atau kewangan Islam, adalah pihak yang akan menjawab soalan-soalan mengenai kesahan kontrak bawah undang-undang Islam dan di Malaysia badan khas tersebut ialah MPS.”

Merujuk kepada keputusan kes *Arab-Malaysian Finance Bhd v Taman Ihsan Jaya Sdn Bhd & Ors, Koperasi Seri Kota Bukit Cherakah Bhd (Pihak ketiga) dan lain-lain* ([2008] 5 MLJ 631), mahkamah telah memutuskan bahawa kontrak *bai’ bithaman ajil* adalah tidak sah kerana tidak menepati tafsiran ‘perniagaan bank Islam’. Kontrak ini melibatkan elemen yang tidak diluluskan oleh agama Islam sebagaimana dalam seksyen 2 Akta Bank Islam 1983 dan seksyen 124 (7)(c) Akta Bank dan Institusi Kewangan 1989. Mahkamah berpandangan bahawa kontrak *bai’ bi thaman ajil* (BBA) yang diterima pakai dalam perbankan Islam tidak menepati syarak sepenuhnya kerana ia diterima dalam mazhab Syafi’e sahaja dan bukannya semua mazhab. Walau bagaimanapun, Mahkamah Rayuan Sivil telah menolak keputusan Mahkamah Tinggi pada 31 Mac 2009. Mahkamah Rayuan dalam penghakimannya telah menerima pandangan Majlis Penasihat Syariah berkaitan isu kontrak *bai’ bi thaman ajil* sebagai perjanjian jual beli, penerimaan pandangan mazhab dalam sesuatu pertikaian dan beberapa isu perundangan Islam yang lain. Kes ini telah menimbulkan konflik apabila kes berkaitan sistem kewangan Islam dan hal yang melibatkan undang-undang Islam ini berada di bawah bidang kuasa mahkamah sivil dan diputuskan oleh hakim mahkamah sivil dan bukannya hakim yang pakar dalam bidang perundangan

Islam. Selain itu, dalam kes *Arab-Malaysian Bank Berhad v Silver Concept Sdn. Bhd.* ([2008] 6 MLJ 295 dan [2006] 8 CLJ 9) hakim berpandangan para hakim masih tidak kompeten dalam mengendalikan kes kewangan Islam (Mohd Kamel Mat Salleh, Mohd Al Adib Samuri dan Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim 2017).

Memandangkan realiti perundangan tersebut, hakim Syarie patut diberi kuasa mendengar dan membicarakan kes-kes kewangan Islam yang berkemahiran dan terlatih dengan prinsip-prinsip yang terpakai dalam undang-undang Syariah dan sudah pasti hakim-hakim di mahkamah Syariah ini beragama Islam. Oleh itu, isu berkenaan hakim yang bukan pakar perundangan Syariah akan dapat diatasi. Secara tidak langsung, ia akan meluaskan bidang kuasa mahkamah Syariah dan seterusnya kuasa dan martabat mahkamah Syariah di Malaysia dapat diperkasakan.

Tindakan yang positif dan pindaan undang-undang perlu dilaksanakan untuk mengembalikan bidang kuasa mahkamah Syariah dalam perkara berkaitan dengan kewangan Islam. Antaranya adalah melalui Pindaan Perlembagaan Persekutuan. Ini adalah untuk mengelakkan ketidakpatuhan kepada Perkara 4(1) dan 75 Perlembagaan Persekutuan berkenaan dengan mana-mana undang-undang yang bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan akan terbatal setakat mana berlaku percanggahan dan juga berkaitan dengan ketidakselaras di antara undang-undang Persekutuan dan negeri-negeri. Klausu berkaitan dengan perbankan dan kewangan Islam perlu dimasukkan dalam pindaan Perkara 74(2) Perlembagaan Persekutuan. Selanjutnya, tafsiran “hukum Syarak” dalam Jadual Kesembilan, Senarai II (Senarai Negeri) juga hendaklah dipinda dengan bukan hanya memberi maksud kepada undang-undang keluarga dan diri sahaja, tetapi turut meliputi bidang kewangan Islam. Pindaan kepada Seksyen

46 Akta/Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam negeri-negeri berkaitan bidang kuasa Mahkamah Tinggi Syariah dengan memasukkan bidang kuasa mendengar dan membicarakan hal ehwal kewangan Islam. Kejayaan meluluskan pindaan-pindaan ini oleh Parlimen Malaysia akan mengiktiraf status mahkamah Syariah dalam pengendalian kes berkaitan kewangan Islam. (Mohd Izzat & Ruzian Markom 2013).

Pengendalian kes kewangan Islam di mahkamah sivil menimbulkan pelbagai cabaran. Selain isu kekompetenhan hakim-hakim yang memerlukan kepakaran dan kemahiran dalam membuat keputusan berkaitan kewangan Islam, peguam-peguam di mahkamah sivil yang berlatar belakang undang-undang sivil juga akan mengalami kesukaran dalam mengendalikan kes-kes yang memerlukan kefahaman kepada prinsip-prinsip Syariah. Mahkamah menghadapi kesukaran berdepan dengan peguam-peguam yang beramat di mahkamah sivil yang tidak memiliki kelayakan dalam undang-undang Syariah. Peguam-peguam yang mengendalikan kes kewangan Islam bukan sahaja membantu pelanggan membuat tuntutan-tuntutan di mahkamah, malah mereka perlu berpengetahuan mengenai Resolusi Syariah yang telah dikeluarkan oleh Majlis Penasihat Syariah berkenaan sesuatu isu yang dikemukakan ke mahkamah. Kegagalan peguam mengemukakan isu Syariah yang wujud dalam sesuatu kes akan menyebabkan salah tanggapan mahkamah dalam membuat keputusan kes. Pewakilan peguam yang tiada pengetahuan dalam kes kewangan Islam hanya dilihat setakat melepaskan tanggungjawab anak guamnya sahaja. Isu ini telah diulas oleh Yang Arif Hakim Dato' Haji Mohd Zawawi bin Salleh dalam kes *Bank Islam Malaysia Berhad lwn Rhea Zadani Corporation Sdn. Bhd.* ([2012] 10

MLJ 484), di mana Yang Arif Hakim menyatakan:

“Justeru, hujahan Defendan-Defendan bahawa Perjanjian-perjanjian Istisna’ dalam kes ini adalah tidak sah dari segi Shariah tanpa dikemukakan apa-apa alasan yang kukuh di segi Shariah, pada pandangan Mahkamah, adalah merupakan a lawyer’s contract defence yang bertujuan semata-mata untuk melepaskan obligasi-obligasi Defendan-Defendan yang terdapat dalam perjanjian-perjanjian tersebut dan hendaklah ditolak” (Rusni Hassan, Mohammad Azam Hussain & Adnan Yusoff 2013).

Cabarani ini dapat diatasi sekiranya kes kewangan Islam dikendalikan oleh peguam Syarie di mahkamah Syariah. Seseorang yang diterima sebagai Peguam Syarie adalah merupakan seseorang yang berkelayakan dan berpengetahuan dalam hukum Syarak sebagaimana diperuntukkan di bawah Seksyen 59 Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993. Kepakaran dan kemahiran peguam Syarie mengemukakan isu-isu Syariah di samping prosedur undang-undang berkaitan kewangan Islam semasa mengendalikan kes juga dapat mempertingkatkan kualiti pengendalian kes mahkamah Syariah. Selain itu, variasi pengendalian kes di mahkamah Syariah juga dapat diwujudkan. Melalui peluasan bidang kuasa mahkamah Syariah mendengar dan membicarakan kes kewangan Islam ini juga akan menggalakkan peguam-peguam sivil untuk berusaha mendapat kelayakan beramal di mahkamah Syariah. Ini mengurangkan ketidakpuasan hati yang akan timbul di kalangan peguam-peguam berkenaan isu keterbatasan ruang lingkup mereka untuk mengendalikan kes sekiranya perkara berkenaan kewangan Islam di bawah bidang kuasa mahkamah Syariah.

Pemerksaan mahkamah Syariah memerlukan kerjasama daripada para pegawai dan kakitangan yang merupakan sumber manusia yang menggerakkan operasi mahkamah Syariah. Pegawai dan kakitangan mahkamah Syariah adalah penjawat awam yang sentiasa diberi latihan bagi meningkatkan kompetensi diri dalam melaksanakan senarai tugas masing-masing. Justeru itu, apabila bidang kuasa pendengaran dan perbicaraan kes kewangan Islam diserahkan kepada mahkamah Syariah, bebanan tugas yang baru ini memberi ruang kepada pegawai dan kakitangan mahkamah Syariah untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran diri mereka dalam mengendalikan kes-kes kewangan Islam. Pelaksanaan kursus dan latihan jangka pendek berkaitan kewangan Islam kepada pegawai-pejawat di mahkamah Syariah dengan kerjasama universiti dan institusi-institusi lain yang mempunyai kepakaran dalam kewangan Islam dan juga latihan sangkutan pegawai bersama mahkamah Sivil juga boleh menambah kemahiran pegawai-pejawat terbabit. Tambahan pula, terdapat juga pegawai-pejawat yang menjawat jawatan Pegawai Syariah di bawah skim perundungan Syariah (LS) adalah graduan yang memiliki Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang selain daripada Ijazah Sarjana Muda Syariah daripada universiti-universiti tempatan dan luar negara. Memiliki pegawai dan kakitangan yang mempunyai kemahiran dan kepakaran tambahan ini juga secara tidak langsung dapat meningkatkan martabat mahkamah Syariah dan seterusnya memperkasakan fungsi mahkamah Syariah dalam sistem perundungan di Malaysia.

KESIMPULAN

Kerangka perundungan bersifat dwi sistem yang terpakai di Malaysia sememangnya

membataskan bidang kuasa mahkamah Syariah dalam membicarakan perkara berkaitan kewangan Islam. Namun begitu, pengiktirafan terhadap peranan Majlis Penasihat Syariah yang merupakan badan rujukan berautoriti dalam pertikaian kes kewangan Islam di mahkamah sivil menunjukkan keperluan kepada penglibatan pakar Syariah. Scenario ini merupakan peluang terbaik kepada mahkamah Syariah untuk memperluaskan bidang kuasa dalam mendengar dan membicarakan perkara berkaitan kewangan Islam. Langkah proaktif perlu diambil oleh pihak berkuasa dalam merealisasikan pemerkasaan mahkamah Syariah ini dengan meletakkan bidang kuasa mendengar dan membicarakan perkara berkaitan kewangan Islam di bawah bidang kuasa mahkamah Syariah.

Konflik bidang kuasa antara mahkamah sivil dan mahkamah Syariah sepatutnya dapat diselesaikan selepas berlakunya pindaan Perkara 121(1A) Perlembagaan Persekutuan dan mampu menamatkan campur tangan mahkamah sivil terhadap bidang kuasa mahkamah Syariah. Mahkamah Syariah di Malaysia akan dapat mencapai kegemilangan dan pemerkasaan sebenar apabila mahkamah Syariah dapat menjalankan kuasa ekslusifnya terhadap orang Islam tanpa campur tangan kuasa mahkamah sivil. Pindaan-pindaan lain ke atas undang-undang yang terpakai di Malaysia sekarang ini wajar dipinda bagi memberi hak ekslusif kepada mahkamah Syariah. Selain itu juga, bidang kuasa berkaitan hal ehwal kewangan Islam juga perlu dipinda dengan meletakkan bidang kuasa berkaitannya di bawah mahkamah Syariah.

Berdasarkan kepada perbincangan di atas, persoalan sama ada sistem kewangan Islam boleh menyumbang ke arah memperkasakan mahkamah Syariah di Malaysia dan sama ada ia boleh tercapai

dalam dwi sistem yang diamalkan sekarang telah diperjelaskan dan difahami. Artikel ini mendapati bahawa sistem kewangan Islam boleh menyumbang ke arah pemerkasaan mahkamah Syariah melalui beberapa pindaan kepada undang-undang yang berkaitan. Tindakan lanjut daripada pihak kerajaan perlu dibuat untuk meluaskan bidang kuasa mahkamah Syariah di Malaysia berkaitan kewangan Islam dan seterusnya dapat menyumbang kepada pemerkasaannya. Di samping itu juga, kemahiran para pegawai dan kakitangan di bawah perundangan Syariah berkaitan kewangan Islam hendaklah dipertingkatkan. Berdasarkan kepada kerangka perundangan yang terpakai di Malaysia sekarang ini dalam perkara berkaitan kewangan Islam, jelas menunjukkan bahawa pakar-pakar Syariah adalah diperlukan dalam membuat keputusan kes kewangan Islam di mahkamah.

RUJUKAN

- Akta Bank Negara Malaysia 2009.
- Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013.
- Ali Rama. 2015. Analisis Deskriptif Perkembangan Perbankan Syariah Di Asia Tenggara. *The Journal of Tauhidinomics* Vol. 1, 105-123.
- Hakimah Yaacob. 2011. Analysis Of Legal Disputes In Islamic Finance And The Way Forward: With Special Reference To A Study Conducted At Muamalat Court, Kuala Lumpur, Malaysia. *ISRA Research Paper* (No. 25/2011). ISRA: Petaling Jaya.
- Hussin Che Pa, Nasrul Hisyam Nor Muhammad, Suhaimi Mustar. 2016. Bidang Kuasa Eksklusif Mahkamah Syariah Selepas Pindaan Perkara 121(1a) Perlembagaan Persekutuan:

- Satu Penilaian. *Malaysian Journal of Syariah and Law*. Volume 3.1-16.
- Mohd Kamel Mat Salleh, Mohd Al Adib Samuri dan Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim. 2017. Konflik di Antara Fatwa dan Keputusan Panel Penasihat Syariah dalam Kes Muamalat di Mahkamah Malaysia. *Islamiyyat* . 39(2).113-124. <http://dx.doi.org/10.17576/islamiyyat-2017-3902-03>.
- Mohd Izzat Amsyar Mohd Arif dan Ruzian Markom. 2018a. *Sistem Tadbir Urus Syariah Perbankan Islam di Malaysia*. Penerbit UKM: Bangi.
- Mohd Izzat Amsyar Mohd Arif dan Ruzian Markom. 2018b. Struktur Tadbir Urus Syariah Dalam Sistem Perbankan Islam: Analisis Perbandingan Antara Malaysia dan Indonesia. 22 *JUUM* 1-9. <https://doi.org/10.17576/juum-2018-22-01>.
- Mohd Izzat Amsyar dan Ruzian. 2018c. Kelestarian Prinsip-prinsip Muamalat dalam Sistem Perbankan Islam di Malaysia: Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah. *JUUM (ISU KHAS/SPECIAL ISSUE)* 19 – 37 <https://doi.org/10.17576/juum-2018-special-02> <https://doi.org/10.17576/juum-2018-special-02>.
- Mohd Izzat Amsyar dan Ruzian Markom. 2013. Peranan dan Kedudukan Majlis Penasihat Shariah Untuk Memperkasakan Sistem Kewangan Islam di Malaysia. *Jurnal Pengurusan* 38, 127 – 132.
- Mohamad Akram Laldin dan Hafas Furqani. 2018. Islamic Financial Services Act (IFSA) 2013 and the Sharī‘ah-Compliance Requirement of the Islamic Finance Industry in Malaysia. *ISRA* *International Journal of Islamic Finance* Vol. 10 No. 1, 94-101.
- Mohamed Hadi bin Abd Hamid dan Rusni Hassan. 2014. Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013: Tinjauan Awal Kesannya Dalam Industri Takaful. *Kanun* 26(2)254-267Mustafa Dakian. 2005. *Sistem Kewangan Islam Instrumen, Mekanisme Dan Pelaksanaannya Di Malaysia*. Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.: Kuala Lumpur.Mohamad Zaid et. al. 2011. Growth and Prospect of Islamic Finance in Malaysia. *International Conference on Social Science and Humanity IPEDR* vol.5 (2011). Singapore.
- Perlembagaan Persekutuan. Presidential Decree No. 1083, s 1977.
- Rusni Hassan, Mohammad Azam Hussain dan Adnan Yusoff. 2013. Penubuhan dan Bidang Kuasa Mahkamah Muamalat di Malaysia: Isu dan Cabaran. 25 *Kanun* 25 (1), 83-106.
- Ruzian Markom & Norilawati Ismail. 2009. The Development of Islamic Banking Laws in Malaysia: An Overview. *JUUM* 13, 191-205.
- Sudin Haron. 2008. *Sistem Kewangan Dan Perbankan Islam*. Intiprint Sdn. Bhd. : Kuala Lumpur.

Haslinda Harun
Fakulti Undang-Undang
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
Bangi, Selangor
Email: misshanan2002@yahoo.com

Ruzian Markom
Fakulti Undang-undang
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bangi, Selangor
Email: ruzian@ukm.edu.my